Sorotan Penting

Perkembangan Ekonomi dan Kewangan S1 2019

Ekonomi berkembang 4.5% dalam keadaan persekitaran global yang mencabar

Aktiviti sektor swasta dan sektor ekonomi utama terus meningkat

Pertumbuhan KDNK Benar



Perbelanjaan isi rumah kukuh, disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan

Sektor perkhidmatan dan perkilangan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan

Sektor pertanian meningkat semula disebabkan oleh pemulihan yang kukuh dalam pengeluaran minyak sawit

Inflasi keseluruhan menurun

Inflasi keseluruhan menjadi negatif pada suku pertama tahun 2019

Inflasi Keseluruhan dan Inflasi Teras[1]



[1] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan harganya ditadbir. Pengiraan juga tidak mengambil kira anggaran kesan langsung daripada perubahan dasar cukai penggunaan.

Harga bahan api domestik yang lebih rendah merupakan penyumbang utama kepada penurunan inflasi keseluruhan

Sumbangan kepada Inflasi Keseluruhan Mengikut Komponen IHP



*Lain-lain termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan lain yang harganya ditadbir

Rencana

Malaysia menunjukkan tanda-tanda penyahindustrian pramatang apabila penurunan bahagian keluaran melebihi bahagian pekerjaan

Perubahan dalam Bahagian Pekerjaan Perkilangan dan Bahagian KDNK (2018 vs. 2000)



*merujuk AS, Jepun dan Jerman
**merujuk C. Taipei dan Korea

Namun begitu, kadar penyahindustrian telah menjadi perlahan disebabkan oleh produktiviti E&E yang lebih tinggi

Pertumbuhan Produktiviti dalam Sektor Perkilangan



Inisiatif dasar untuk pembangunan yang lebih seimbang

- **Pelaksanaan** pendekatan pelaburan berasaskan prinsip
- **Peningkatan** tenaga mahir dalam sektor perkilangan maju dan perkhidmatan moden
- **Penggunaan** teknologi untuk memperkukuh keupayaan syarikat

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya
Untuk maklumat lanjut, layari www.bnm.gov.my